

ABU 1962.

R
INV.C.....

DAKWAH AL-QUR'AN KEPADA ORANG BUKAN ISLAM:

SUATU KAJIAN KHUSUS TERHADAP DAKWAH

DI KALANGAN MASYARAKAT CINA DI WILAYAH PERSEKUTUAN

Abd. Aziz bin Mohd. Zin

Tesis Untuk Memenuhi Keperluan

Ijazah Doktor Falsafah (Ph. D)

Di Fakulti Usuluddin, Universiti Malaya,

Kuala Lumpur

1993

Perpustakaan Universiti Malaya



A505808791

Dimikrofikasi pada 96-07-03
No. Mikrofis 12430
Jumlah Mik. fisi 6



ABSTRAK

ABDUL AZIZ BIN MOHD.ZIN. Dakwah Al-Qur'an Kepada Orang Bukan Islam: Suatu Kajian Khusus Terhadap Dakwah Di Kalangan Masyarakat Cina Di Wilayah Persekutuan. Tesis, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia, 1993.

Dua dekad kebelakangan ini, iaitu bermula pada awal tahun 1970-an menyaksikan perkembangan pesat dakwah Islamiah di Kuala Lumpur. Namun, di sebalik perkembangan tersebut, persoalan masih timbul, iaitu bagaimanakah perkembangan dakwah terhadap orang bukan Islam, khususnya orang Cina yang merupakan etnik terbesar di Kuala Lumpur? Persoalan ini menimbulkan dorongan dan hasrat kepada penulis untuk mengkaji jawapannya.

Adapun masalah-masalah yang dikaji di dalam tesis ini ialah:

1. Bagaimanakah kepercayaan di kalangan orang Cina di Kuala Lumpur?

2. Bagaimanakah dakwah yang dilakukan oleh pertubuhan-pertubuhan dakwah terhadap orang Cina di Kuala Lumpur?

3. Bagaimakah hasil dakwah yang dilakukan terhadap orang Cina di Kuala Lumpur?

Untuk menjawab persoalan-persoalan tersebut, penulis melakukan kajian dengan menggunakan beberapa metod, iaitu metod sampling, metod pengumpulan data dan metod analisa data.

Hasil yang di dapati adalah sebagaimana berikut:

1. Kepercayaan dan amalan tradisional orang Cina masih berpengaruh di kalangan orang Cina di Kuala Lumpur.
2. Dakwah kepada orang Cina di Kuala Lumpur masih tidak dilakukan dengan menyeluruh. Keadaan yang demikian menyebabkan kebanyakkan orang Cina di Kuala Lumpur masih tidak diberitahu mengenai Islam. Ini berpunca daripada kekurangan ketahaman, kepekaan, kepakaran, kelengkapan dan pengalaman orang Islam sendiri.
3. Walaupun telah banyak kejayaan yang dicapai setakat ini, usaha dakwah yang dilakukan terhadap orang Cina di Kuala Lumpur perlu diperbaiki. Untuk lebih menarik perhatian saharaan, usaha dakwah kepada orang Cina di Kuala Lumpur

hendaklah memberi penekanan kepada penyelesaian masalah kefahaman dan pemikiran yang mereka hadapi, dengan bentuk dan saluran semasa yang menarik. Itulah pendekatan dakwah Quran. Di samping itu, dakwah dalam bentuk perbincangan, hubungan peribadi, lawatan, khidmat masyarakat, tulisan dan tayangan video terbukti dapat menarik perhatian sasaran.

4. Bahasa Inggeris memain peranan yang besar untuk berdakwah kepada orang Cina di Kuala Lumpur, khususnya kepada golongan terpelajar. Di samping itu, dakwah kepada orang Cina lebih berkesan jika dilakukan melalui golongan etnik mereka sendiri yang telah memeluk Islam.
5. Usaha dakwah kepada orang Cina, jika dilakukan dengan sempurna, sebagaimana yang ditunjukkan oleh Quran, akan menghasilkan pulangan yang cukup baik.
6. Kelahiran badan-badan dakwah terhadap orang-orang bukan Islam di Kuala Lumpur menjadi sumbangan yang besar sebagai saluran untuk orang Cina memeluk Islam dan sebagai tempat untuk mempelajari Islam dan penyelesaian masalah.

ABSTRACT

ABDUL AZIZ BIN MOHD.ZIN. **The Preaching Of Al-Qur'ān To The Non-Muslims: A Case Study Of Islamic Preaching To The Chinese Community In The Federal Territory.** Thesis. University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia, 1993.

The last two decades, that is, since the early 1970's, have witnessed the rapid development in the field of Islamic missionary in Kuala Lumpur. However, in spite of the development, a question that arises is to what extent has the preaching of Islam to the non-Muslims come to, particularly to the Chinese, which constitutes a large ethnic group in Kuala Lumpur. This question encourages the author into researching the subject in order to come to its answers.

Accordingly, the problems which were studied in this thesis are:

1. What are the beliefs among the Chinese in Kuala Lumpur?

2. What are the types of Islamic missionary activities undertaken by various missionary organisations among the Chinese in Kuala Lumpur?

3. What are the results of the Islamic missionary activities undertaken among the Chinese in Kuala Lumpur?

In order to arrive at the answers to the foregoing questions, the author has conducted a research, by adopting several methods, namely sampling, data-compiling and data-analysing.

The results which the author discovers are as follows:

1. The traditional beliefs and practices among the Chinese in Kuala Lumpur are still widespread and deep-rooted.
2. The Islamic missionary activities among the Chinese have not been undertaken comprehensively. This state of affairs has resulted in most of the Chinese in Kuala Lumpur being uninformed about Islam. This is due to various reasons including lack of Islamic understanding, awareness, expertise, equipments and experiences among the Muslims themselves.
3. Eventhough quite a number of successes have been achieved so far, the Islamic missionary activities among the Chinese need to be inten-

sified and improved. With a view of attracting their interest, Islamic missionary activities undertaken among the Chinese in Kuala Lumpur should give emphasis on solving the problems of thought and understanding which they are facing, in the forms and through the channels which are contemporary. This is the Quranic approach of preaching. Apart from that, preaching in the forms of discussions, personal contacts, visits, community services, writings and video shows also prove to be effective in attracting their interest.

4. English language plays an important role for the purposes of Islamic preaching among the Chinese, especially the educated ones. In addition, the Islamic missionary works among the Chinese would be more effective if they are undertaken by their fellow Chinese who have already embraced Islam.
5. The Islamic missionary efforts among the Chinese if conducted systematically, as shown in the al-Qur'an, will end up with an encouraging result.
6. The emergence of Islamic missionary organisations undertaking missionary works among the

non-Muslim in Kuala Lumpur will be a very significant contribution as a channel for the Chinese to come to Islam and as a medium of studying Islam and overcoming problems.

Ku abadikan;

Untuk ibuku yang tersayang,
yang tidak jemu-jemu menaburkan jasa baktinya kepada
anak-anak,
yang masih diberikan denyutan jantung.

Untuk ayah yang dihormati,
yang telah melewati umur tuanya.

Untuk isteri dan anak-anak,
yang mungkin terabai dari belaian tanggungjawab semasa
menyediakan kajian ini.

JADUAL TRANSLITERASI

Ejaan yang digunakan di dalam tesis ini berdasarkan sistem ejaan baru bahasa Malaysia.¹ Manakala perkataan Arab dieja berdasarkan sistem transliterasi seperti berikut:

ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	g
ض	đ
ط	t̄
ظ	z̄

¹ Dewan Bahasa dan Pustaka, Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia, (edisi kedua), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1988.


ع	r
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
ه	h
و	w
ي	y
ا	a

Vokal pendek:

i	۴
e	۵
u	۶

Vokal panjang:

۱	۲	۳
۷	۸	۹
۰	۶	۵

ay 

aw 

Tanwin:

 an

 in

 un

Lain-lain ejaan:

1.  = h. Tetapi, apabila perkataan itu bera-khir dengan  yang terdapat dalam satu susunan, maka  itu sama dengan t.

2.  = al-.

3.  yang sebelumnya berbaris di bawah - T.

Manakala terjemahan ayat-ayat Quran di dalam tesis ini berdasarkan terjemahan Shaykh Abdullah bin Muhammad Basmeh, Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an, Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, 1983.

KEPENDEKAN

ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia.
(a.s.)	<u>'Alaihi al-Salām.</u>
bil.	bilangan.
cet.	cetak.
Dr.	Doktor.
dll.	dan lain-lain.
dkk.	dan kawan-kawan.
dsb.	dan sebagainya.
ed.	<u>edited.</u>
II.	Hijrah.
hal.	halaman.
hb.	haribulan.
Ibid	pada tempat yang sama.
INDAH	Institut Dakwah Dan Latihan Islam.
IOA	Islamic Outreach-ABIM.
Al-Jam'iyyah	Persatuan Seruan Islam Selangor Dan Wilayah Persekutuan.
JAWI	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.
jil.	jilid.
loc. cit.	<u>in the place cited.</u>
m.	meninggal.
M.	Masihi.
muj.	<u>mujallid.</u>
No.	<u>number.</u>
op. cit.	<u>in the work cited.</u>

PAS	Parti Islam Se-Malaysia.
peny.	penyunting.
PERKIM	Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia.
Prof.	Profesor.
PUM	Persatuan Ulama Malaysia.
(s.a.w.)	<u>Salla`Llāhu `alayhi wa Sallam.</u>
S.M.	Sebelum Masihi.
(s.w.t.)	<u>Subhānahū wa Ta`ālā.</u>
terj.	terjemahan.
th.	tahun.
t.hal.	tanpa halaman.
t.k.	tanpa kota.
t.t.	tanpa tarikh.
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia.
UM	Universiti Malaya.
vol.	<u>Volume.</u>
YADIM	Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

KATA PENGANTAR

Segala pujian bagi Allah yang telah memberi keizinan dan hidayat-Nya kepada penulis khususnya, sehingga tesis ini dapat disiapkan.

Memandangkan masyarakat Malaysia merupakan masyarakat majmuk, yang etnik kedua terbesar terdiri daripada orang Cina, usaha dakwah yang dianggap subur di Malaysia sekarang, khususnya di Kuala Lumpur hendaklah dilakukan dengan satu pendekatan yang cukup baik. Usaha yang demikian diharap dapat menghilangkan atau paling tidak mengurangkan keraguan dan silap faham masyarakat Cina di Kuala Lumpur terhadap dakwah Islamiah.

Untuk tujuan tersebut, khazanah yang utama, iaitu khazanah Quran hendaklah digali. Di samping itu, beberapa perkara yang ada hubung kait dengan pendekatan dakwah kepada orang Cina di Kuala Lumpur hendaklah diselidiki, kerana ia dapat menolong pencapaian satu pendekatan dakwah yang baik.

Berdasarkan keadaan tersebut, penulis telah memilih tajuk ini untuk dijadikan kajian yang diharapkan dapat menemui beberapa hasil yang diperlukan.

Pada dasarnya, khazanah pendekatan dakwah bukanlah

Quran sahaja, malah paling tidak termasuk juga sunah. Tetapi memandangkan Quran merupakan khazanah utama dan asal, manakala khazanah sunah adalah inspirasi daripada Quran, maka penulis memilih khazanah Quran sahaja, apalagi ia tidak mengurangkan khazanah sunah.

Di samping itu, kajian ini dibataskan di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur sahaja, tanpa negeri-negeri lain di Malaysia. Pembatasan tersebut memandangkan bahawa Kuala Lumpur merupakan tempat pertemuan berbagai-bagai etnik dan berbagai-bagai agama di Malaysia. Masyarakatnya terdiri daripada berbagai-bagai keadaan kehidupan. Ada yang baik dan ada yang buruk. Ada yang maju dan ada yang mundur. Ada yang kaya dan ada yang miskin. Ada orang atasan dan ada orang bawahan. Masyarakat demikian sudah cukup untuk dijadikan sebaik baik pensampelan kepada seluruh masyarakat Cina di Malaysia.

Kajian ini bermula secara seriusnya pada awal tahun 1989 dan berlangsung sehingga pertengahan separuh akhir tahun 1992. Dalam jangka masa hampir empat tahun, penulis telah melakukan banyak kerja penyelidikan, sama ada kajian luar atau kajian perpustakaan.

Penulis telah menggunakan kemudahan-kemudahan, sama ada yang terdapat di Universiti Malaya atau di luar Universiti Malaya.

Penulis telah menggunakan kemudahan Peruntukan F Universiti Malaya untuk melakukan kajian luar berhubung dengan orang Cina di Kuala Lumpur, saudara baru keturunan Cina di Kuala Lumpur dan aktiviti-aktiviti pertubuhan dakwah kepada orang Cina di Kuala Lumpur.

Pengalaman penulis sebagai pensyarah kursus dakwah di Fakulti Usuluddin, Universiti Malaya selama kira-kira lima tahun dan terlibat dengan beberapa program sukarela dakwah, terutamanya di sekitar Kuala Lumpur, pengamatan, temuramah dan sebagainya merupakan perkara yang amat berguna kepada kajian ini.

Di samping itu, kajian perpustakaan dari khazanah-khazanah buku yang dianggap bermutu dan ditulis oleh ahli-ahlinya boleh melengkapkan lagi kajian ini.

Namun, sudah menjadi perkara biasa bahawa kajian seperti ini menghadapi banyak masalah. Masalah yang paling utama dihadapi oleh penulis ialah semasa kajian luar terhadap masyarakat Cina di Kuala Lumpur yang dijadikan sampel. Keadaan orang Cina yang sentiasa sibuk, adanya satu macam perasaan keraguan dan prasangka dan anggapan yang kajian seperti ini tidak berfaedah, malah merugikan menyebabkan respon mereka tidak memuaskan. Dengan yang demikian, bilangan responden yang ditemuduga tidak dapat diambil seramai mungkin.

Hasil daripada kajian ini, penulis menyusunnya menjadi lima bahagian yang dinamakan bab.

Bab pertama berhubung dengan Kuala Lumpur dan dakwah Islamiah di Kuala Lumpur, yang merupakan asas permulaan kepada kajian ini.

Bab kedua berhubung dengan dakwah Quran kepada orang bukan Islam dan masyarakat Cina, yang merupakan landasan kepada kajian ini.

Bab ketiga berhubung dengan penggunaan metod kajian.

Bab keempat berhubung dengan laporan dan penganalisaaan kepada masalah-masalah kajian, iaitu; masalah pertama mengenai kepercayaan orang Cina di Kuala Lumpur, masalah kedua mengenai dakwah kepada orang Cina di Kuala Lumpur dan masalah ketiga mengenai hasil dakwah kepada orang Cina di Kuala Lumpur.

Bab kelima berhubung dengan kesimpulan kajian dan beberapa saranan yang kedua-duanya merupakan penutup kepada kajian.

Penulis sedar bahawa masih banyak kekurangan dan kelemahan terdapat di dalam kajian ini yang perlu diperbaiki. Dengan yang demikian, penulis sedia mene-

rima pandangan, teguran dan tunjuk ajar demi untuk kebaikan.

Diharapkan kajian ini boleh memberi sumbangan kepada pihak-pihak yang berkenaan demi untuk kebaikan bersama.

PENGHARGAAN

Dengan perasaan khusyuk dan kerendahan diri seorang hamba yang diciptakan, pujian dan kesyukuran dipersembahkan kepada Allah yang telah mengurniakan keizinan dan daya kepada hamba-Nya sehingga tesis ini dapat diselesaikan.

Ucapan terima kasih dan penghargaan pertama-tama ditujukan kepada penyelia tesis ini, Prof. Madya Dr. Abdul Halim bin Haji Mat Diah. Usaha, teguran, tunjuk ajar dan masa yang diberikan bagi menjayakan tesis ini tidak ternilai. Tidak syak lagi bahawa tanpanya, tesis ini tidak akan wujud seperti yang ada sekarang.

Terima kasih juga diajukan kepada pihak Universiti Malaya amnya dan Fakulti Usuluddin khususnya, terutamanya kepada kedua-dua bekas dekannya, al-Marhum Ustaz Muhammad bin Che Wook dan Ustaz Johari bin Mat, kerana berusaha membuka peluang cuti belajar, sehingga penyelidikan ini dapat diberikan tumpuan sepenuhnya oleh penulis. Juga, sekali lagi terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Abdul Halim bin Haji Mat Diah, atas sifatnya sebagai Dekan Fakulti Usuluddin, kerana memberi berbagai-bagai kemudahan fakulti, sehingga tesis ini dapat disempurnakan.

Penulis berasa terhutang budi kepada banyak pihak atas saham mereka bagi menjayakan tesis ini. Mereka itu, terutamanya Datuk Haji Mohamad bin Haji Ahmad dan Haji Hussain Yee bin Abdullah, dari PERKIM, Encik Mohd Ayub Alias dan Encik Ridhwan bin Ahmad, dari Islamic Outreach ABIM, Encik Sulaiman Hon dan Encik Azman Hamzah, dari Persatuan Darul Fitrah Malaysia, kakitangan Unit Saudara Baru Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, saudara-saudara baru keturunan Cina di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan orang-orang Cina di Kuala Lumpur yang terlibat dengan soalselidik. Di samping itu, penulis juga terhutang budi kepada Prof. Madya Dr. Mohd. Nor Hj. Nawawi, Prof. Madya Dr. Cheu Hock Tong, Prof. Madya Dr. Tan Chee Beng dan Prof. Madya Dr. Ismail Mat, atas saham mereka bagi menjayakan tesis ini.

Penulis juga amat berterima kasih kepada ketigatiga penolong penyelidik yang telah membantu penulis dalam penyelidikan ini, iaitu Hajah Mariam Abdullah, Nur Rasyidah Ong Abdullah dan Mohd. Ridzuan James Abdullah.

Tidak ketinggalan terima kasih diberikan kepada Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Awam Islam, Pusat Islam dan Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa, khususnya kakitangan mereka bahagian pinjaman, atas khidmat baik mereka yang telah diberikan.

Terima kasih juga diajukan kepada sesiapa sahaja yang ada hubungan dengan penyediaan tesis ini.

Segala khidmat dan sumbangan yang telah diberikan oleh mana-mana pihak untuk menjayakan tesis ini, sama ada secara langsung atau tidak langsung dan sama ada banyak atau sedikit didoakan semoga akan diberikan pembalasan yang sewajarnya.

Mudah-mudahan tesis ini merupakan satu sumbangan yang berfaedah kepada Islam dan penganutnya, khususnya ke arah perkembangan dakwah Islamiah di rantau ini.
Amin!

DAFTAR ISI

HALAMAN JUDUL	
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iv
HALAMAN PERSEMPAHAN	viii
JADUAL TRANSLITERASI	ix
KEPENDEKAN	xii
KATA PENGANTAR	xiv
PENGHARGAAN	xix
DAFTAR ISI	xxii
 BAB I PENDAHULUAN	
1. LATAR BELAKANG MASALAH	1
2. PENGERTIAN TAJUK DAN PERUMUSAN MASALAH ..	15
3. TUJUAN PENULISAN	18

BAB II LANDASAN TEORI

1. DAKWAH QURAN KEPADA ORANG BUKAN ISLAM ..	19
A. PENDEKATAN DAKWAH QURAN	66
i. PENDEKATAN ISI DAKWAH QURAN	66
ii. BENTUK PENYAMPAIAN DAKWAH QURAN ...	117
B. MATLAMAT DAKWAH QURAN	163
2. MASYARAKAT CINA	174
A. SEJARAH KEDATANGAN	174
B. AGAMA DAN KEPERCAYAAN	182
C. ADAT KEBUDAYAAN	204
D. SIKAP PERWATAKAN	216

BAB III METODOLOGI

1. METOD PENENTUAN SUBJEK	225
2. METOD PENGUMPULAN DATA	236

3. METOD ANALISA DATA	244
-----------------------------	-----

BAB IV LAPORAN PENYELIDIKAN DAN PENGANALISAAN

1. MASALAH PERTAMA (KEPERCAYAAN DI KALANGAN ORANG CINA DI KUALA LUMPUR)	248
2. MASALAH KEDUA (DAKWAH DI KALANGAN ORANG CINA DI KUALA LUMPUR)	335
3. MASALAH KETIGA (HASIL DAKWAH DI KALANGAN ORANG CINA KUALA LUMPUR YANG DICAPAI) ...	449

BAB V PENUTUP

1. KESIMPULAN	464
2. SARANAN	476
SENARAI RUJUKAN	485

LAMPIRAN	
----------------	--